



SYARAT PERMOHONAN TAULIAH MENGAJAR UGAMA, MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI

A. SYARAT PEMOHON:

1. Pemohon hendaklah terdiri daripada warganegara atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon bukan warganegara hendaklah berkhidmat di mana-mana pusat pengajaran agama swasta di Negara ini.
3. Pemohon hendaklah berumur 18 tahun ke atas;
4. Pemohon memiliki kesihatan yang baik;
5. Pemohon hendaklah tidak pernah dikenakan/disabitkan sebarang kesalahan jenayah oleh Mahkamah Syariah / Mahkamah Sivil.
6. Bagi permohonan memperbaharui Tauliah hendaklah dibuat dalam tempoh 6 bulan sebelum tempoh tamat Tauliah.

B. KATEGORI PERMOHONAN TAULIAH DAN SYARAT KELAYAKAN

Kategori 1 : Tauliah Mengajar Al-Quran:

- Mempunyai kelulusan akademik Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Agama (SSSRU), Sijil Pelajaran Agama Brunei (SPUB); Sijil perakuan pengajian al-Quran atau talaqqi al-Quran; atau yang sebanding dengannya.

Kategori 2 : Tauliah Mengajar Agama:

- Mempunyai kelulusan tertinggi dalam bidang pengajian Islam sekurang-kurangnya Diploma Perguruan Agama yang diiktiraf oleh Kerajaan.

Kategori 3 : Tauliah Berceramah Agama:

- Mempunyai kelulusan tertinggi dalam bidang pengajian Islam sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan.

Setiap pemohon hendaklah memenuhi Syarat-Syarat Utama:

1. Berkebolehan membaca Al-Quran dengan fasih, lancar dan bertajwid.
2. Mempunyai kefahaman dan penguasaan ilmu pengetahuan hukum-hukum tajwid.
3. Mempunyai ilmu pengetahuan agama asas fardhu ain dan fardhu kifayah yang kukuh.